

CNS1458

R GB 20-06 00187 BB462

aab

Mahathir - China

MAHATHIR DI WILAYAH PERINDUSTRIAN CHINA

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

SHENSHEN. 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongan tiba di sini tengah hari ini dari Kunming ibukota wilayah Yunnan bagi lawatan dua hari ke kawasan perindustrian wilayah Guangdong di Selatan China.

Satu jadual yang sibuk disediakan untuk Perdana Menteri yang tujuan utama mengadakan lawatan rasmi 10 hari ke China itu adalah bagi meninjau secara peribadi kejayaan ekonomi negara itu kini selain daripada menggalakkan hubungan ekonomi dua hala, menentukan lebih banyak peluang pelaburan dan mengembangkannya perdagangan antara kedua-dua negara.

Tidak lama selepas tiba, Dr Mahathir melawat pusat pameran keluaran industri Shenzhen yang menunjukkan pelbagai keluaran industri China, kebanyakannya bagi tujuan eksport.

Petang ini, beliau berjumpa dengan anggota majlis perbandaran Shenzhen dan diberi taklimat mengenai perkembangan ekonomi bandar itu yang memberi tumpuan kepada pentadbiran zon khas ekonominya.

Terletak di kawasan pantai di selatan wilayah Guangdong, Shenzhen adalah saluran utama bagi kawasan pedalaman China dalam perdagangan dan hubungan dengan dunia luar melalui Hong Kong. -- Lagi

▼20/06/19-40MST

CNS1464

R GB 20-06 00198 BB463

aab

Mahathir - China 2 (Akhir) Shenzhen

Ditubuhkan pada 1979, zon khas ekonomi Shenzhen (SZE) terkenal di peringkat antarabangsa kerana pertumbuhannya yang pesat dan pembangunannya yang teratur.

Keluaran Negara Kasar (GNK) zon itu tumbuh pada purata 47 peratus setahun sejak 11 tahun lepas sementara keluaran kasar industrinya tumbuh pada kadar 66 peratus setahun.

Menjelang akhir tahun 1991, jumlah pelaburan infrastruktur di kawasan itu mencapai 28.400 juta Yuan (US\$100 bersamaan 530 Yuan), modal tetapnya dianggarkan pada 20,000 juta Yuan, manakala kemampuan pengeluaran perindustriannya bagi tahun yang sama ialah 30,000 juta Yuan.

Terdapat sejumlah 10 zon perindustrian di SEZ yang meliputi kawasan seluas 24 juta meter persegi.

Sejumlah 7.000 perusahaan perindustrian dan perdagangan yang memberikan pekerjaan kepada 650.000 orang, kini ditempatkan di kawasan itu.

Esok, Dr Mahathir akan berucap pada satu perjumpaan antara ahli perniagaan Malaysia dan China di Hotel Shangri-la di sini, tempat penginapan beliau dan rombongan.

Selepas itu beliau melawat satu daripada kawasan perindustrian di kawasan berkenaan, zon perindustrian Shekou.

Perdana Menteri dan beberapa anggota rombongan akan berlepas ke pulau Hainan pada Selasa sebelum pulang ke Kuala Lumpur. -- Bernama.

ARS RON

▼20/06/20-05MST